# Beri surat penghargaan kepada sukarelawan




## POPULAR



Beberap Parlimer berjaya agih bakul makanan tidak



Kerajaan akan membat Ordinan Darurat

26 Julai 20



SUKARELAWAN MyVac bertindak sebagai pemudah cara urusan penyampaian vaksin di Pusat Pemberian Vaksin. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Oleh Mohd Nizam Mohamad Yatim 24 Julai 2021, 8:30 am

SAUDARA PENGARANG,

TAHNIAH kepada kerajaan yang sedang melaksanakan proses pemberian vaksin kepada semua rakyat.

Dalam kita menyokong usaha tersebut, saya ingin menarik perhatian pembaca bahawa terdapat lebih 80,000 individu mendaftar untuk menyertai inisiatif menjadi sukarelawan Malaysia Vaccine Support Volunteers (MyVac) di seluruh negara sejak pendaftarannya dibuka ketika pemberian vaksin fasa pertama pada Mac lalu.

MyVac ialah satu inisiatif mobilisasi sukarelawan untuk membantu petugas barisan hadapan dalam urusan penyampaian vaksin kepada penerima.

tidak sampai seminggu
26 Julai 2021, 12:09 pm

12:04 pm


Pembaz vaksin Covid-19 dilapork di Unitec Kingdon
26 Julai 20 12:03 pm


Kalau tak suka diam – Esma Daniel
26 Julai 2021, 12:00 pm

Solskjaer mahu Martial tinggalkan Old Trafford

'Road to 20' sangat menakutkan'

Dewan Rakyat: Ahli Parlimen pembangkang 'lepas geram'

Dewan Rakyat: Ahli Parlimen UMNO kekal duduk di blok kerajaan

TNB Genco sumbang RM30,000

Sukarelawan MyVac bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) menjadi pemudah cara urusan penyampaian vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Mengambil prinsip bahawa MyVac adalah satu program sukarelawan yang berlandaskan kepada semangat ingin melibatkan diri dalam usaha memastikan PICK dapat dilaksanakan sebaik mungkin demi kesejahteraan negara, hanya bayaran sagu hati kecil diberikan.

Bagaimanapun, satu hakikat yang kita semua tahu adalah pelaksanaan pemberian vaksin di PPV tidak mungkin berjaya jika tiada bantuan dan kerjasama sukarelawan terbabit.

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk kerajaan memberikan penghargaan sewajarnya atas segala usaha, kesungguhan dan keikhlasan sukarelawan yang tidak jemu-jemu melayan penerima vaksin.

Saya mengesyorkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengeluarkan surat penghargaan kepada sukarelawan yang bertugas di PPV di seluruh negara yang termasuk dalam kalangan mereka ialah belia dan pencari kerja.

Surat tersebut boleh mencetus semangat mereka untuk terus berjaya dalam hidup dan boleh menjadi dokumen sokongan ketika menghadiri temu duga.

Ini termasuk temu duga jawatan guru, jawatan di bawah pengendalian Jabatan Perkhidmatan Awam menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta perjawatan di kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara.

Bagi saya, sukarelawan terbabit ialah wira tidak didendang, sama seperti polis dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

WIRA TAK DIDENDANG, Putrajaya.

bantu mangsa kebakaran PREMIUM

Liverpool sanggup berhabis buru Chiesa

## BERITA SELANJUTNYA

by

Jabatan Kesihatan Selangor dakwa…

AD
Pelaburan Bitcoin RM1,000 Yang Memb…

Perlu tambah baik moratorium

AD
Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin

Mahasiswa maut selepas terima suntika…

Lelaki gali semula kubur isteri selepas lima hari…

“Lepas kahwin saya simpan segala kaset d…

PPV pandu lalu USM cepat, selamat

Armada Bersatu saran semua parti politik sert…

## BERITA BERKAITAN





TERKINI NASIONAL EKONOMI LUAR NEGARA GAYA SUKAN RENCANA PREMIUM



### Suara rakyat di Twitter 'menakutkan'

26 Julai 2021, 9:00 am




### Aa Gym...pendakwah yang mencari reda-Nya

26 Julai 2021, 9:00 am




### Berhenti jadi ikan mati dibawa arus

26 Julai 2021, 9:00 am




### Longgarkan sekatan bagi penduduk Tg. Agas

26 Julai 2021, 8:30 am




LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.